


Perjumpaan Dekan bersama warga Fakulti Perhutanan Tropika

Oleh: Dr. Maznah Mahali & En. Kenny Uwai



Tangkapan skrin Dekan bersama warga FPT

Pada 16 April 2021, suatu perjumpaan khas bersama seluruh warga Fakulti Perhutanan Tropika (FPT) telah diadakan secara dalam talian yang juga merupakan perjumpaan pertama Fakulti Bersama Dekan. Dalam perjumpaan ini, Prof. Madya Dr. Normah Awang Besar @ Raffie, Dekan FPT berkesempatan untuk berkongsi kronologi penubuhan FPT dan seterusnya

memaklumkan hala tuju iaitu Visi dan Misi FPT. Turut diterangkan adalah carta organisasi umum Fakulti, bilangan staf pentadbiran, akademik dan sokongan. Usaha dan kerjasama seluruh warga Fakulti dalam menjayakan pelaksanaan Pelan Tindakan FPT amatlah diharapkan dan diberi penekanan oleh Dekan berulang kali.

Mesyuarat Fakulti Perhutanan Tropika

Oleh: Dr. Maznah Mahali & En. Kenny Uwai

Mesyuarat Fakulti Perhutanan Tropika (FPT) yang diadakan pada 6 Mei 2021 berlangsung secara hibrid. Mesyuarat ini telah dihadiri oleh kakitangan pentadbiran dan akademik FPT. Di antara agenda yang dibincangkan dalam mesyuarat ini adalah Pelan Perancangan Strategik bagi Key Result Areas (KRA) FPT, pemakluman kakitangan baharu yang ditempatkan di FPT dan telah melapor diri, cadangan pengambilan pensyarah baharu mengikut keperluan program,

penubuhan Jawatankuasa di bawah Pejabat Kedekanan dan Jawatankuasa di bawah Timbalan Dekan Akademik dan Hal Ehwal Pelajar serta Penyelidikan dan Inovasi. Hala tuju yang diutarakan hasil dari perbincangan penubuhan jawatankuasa tersebut diperlukan bagi membantu perkembangan dan kemajuan fakulti. Selain itu, ia akan dijadikan rujukan bagi menetapkan pemarkahan Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) bagi kakitangan

akademik yang mengambilkira penglibatan perkhidmatan pensyarah dalam pentadbiran. Pembangunan laman web FPT, penetapan anugerah bagi pelajar yang dijangka menerima anugerah Freezailah di bawah FPT, cadangan penerbitan Buletin FPT dan penambahbaikan foyer FPT adalah antara perkara yang turut dibincangkan.